

| | | | |
|------------|-----------------------------------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | RM26.4 juta laksana pemeliharaan dan pemuliharaan hutan Sarawak | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Sarawak | | |
| Date | 27 Mar 2016 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 45,554 |
| Page No | 5 | Readership | 136,662 |
| Language | Malay | ArticleSize | 191 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 619 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,857 |



RM26.4 juta laksana pemeliharaan dan pemuliharaan hutan Sarawak

KUCHING: Kerajaan persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM26.4 juta bagi melaksanakan projek berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan di Sarawak bagi tahun 2016.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata peruntukan ini bagi pelaksanaan beberapa projek seperti Pembangunan Sistem Cerapan Hiperspektral dan Inisiatif Heart of Borneo.

Projek lain termasuk Pembinaan Pusat Pentadbiran dan Pengurusan Tapak Ramsar di Taman Negara Lembap Kuching serta Inventori Hutan Sarawak.

“Kerajaan Persekutuan sentiasa memberi perhatian serius mengenai pengurusan dan pembangunan hutan negara demi kesejahteraan rakyat.

“Namun, usaha ini tidak mungkin akan tercapai dengan jayanya tanpa penglibatan dan komitmen daripada Kerajaan-kerajaan Negeri,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2016 di Tebingan Kuching di sini semalam.

Selain Sarawak kerajaan turut meluluskan peruntukan sebanyak RM25.99 juta bagi melaksanakan projek-projek berkaitan pemeliharaan dan

pemuliharaan hutan di Semenanjung Malaysia dan RM9.48 juta untuk Negeri Sabah.

“Di samping itu, kerajaan turut terus memberi sokongan terhadap peranan yang dimainkan Institut Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam memacu bidang penyelidikan dan pembangunan sektor perhutanan dan keluaran hasil hutan di Malaysia.

“Pada tahun 2016, sejumlah RM13.34 juta diperuntukkan kepada FRIM untuk mencapai objektifnya,” katanya.

Jelasnya, kementerian juga telah menggubal dan membentangkan Rang Undang-Undang FRIM di Parlimen dalam masa terdekat.

“Adanya undang-undang ba-

haru ini ia akan dapat memperkuatkan fungsi serta tanggungjawab FRIM dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan,” katanya.

Bercakap mengenai sambutan itu, ia bertemakan ‘Forest and Water Sustain Life and Livelihoods’ dan disambut secara serentak di seluruh dunia pada 21 Mac setiap tahun.

Tema kali ini melambangkan semangat serta fokus yang tinggi dalam usaha Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui agensi mereka untuk sama-sama meningkatkan kesedaran dalam pemeliharaan, pembangunan dan pengurusan hutan secara berkekalan.